

CNS5071

R GB 28-01 00151 BB887

Bah

Mahathir - Diesel

K'JAAN TIMBANG KURANGKAN CUKAI KENDERAAN DIESEL

SUNGAI PETANI, 28 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, kerajaan akan menimbang untuk mengurangkan kadar cukai ke atas kenderaan berenjin diesel bagi menggalakkan penggunaan enjin itu yang kurang mencemarkan.

"Dulu kita dapati enjin diesel kotor tetapi sekarang enjin yang menggunakan diesel didapati bersih dan kerajaan ingin menggalakkan penggunaan diesel," katanya.

Beliau memberitahu pemberita demikian ketika diminta mengulas cadangan mengharamkan penggunaan motosikal dua lejang kerana asap yang dikeluarkan mencemarkan alam sekitar.

Terdahulu itu, Dr Mahathir merasmikan kilang Prime Granite (Malaysia) Sdn Bhd di sini.

Mengenai cadangan pengharaman enjin dua lejang, beliau berkata Kabinet membuat cadangan untuk mengharamkan penggunaan enjin jenis itu kerana ia mencemarkan alam sekitar tetapi sekiranya ada pengilang yang dapat membekalkan enjin dua lejang yang tidak mencemarkan, kerajaan mungkin tidak mengharamkannya. -- Lagi

▼28/01/21-01MST

CNS5072

R GB 28-01 00128 BB888

Bah

Mahathir - Diesel 2 (Akhir) Sungai Petani

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata kerajaan baru menimbang dan belum membuat keputusan untuk mengharamkannya.

"Kerajaan tidak akan membuat keputusan yang akan menyusahkan rakyat," katanya.

Menurutnya, buat permulaan, kerajaan tidak akan membenarkan mesin untuk membuat enjin dua lejang dibawa masuk tetapi kerajaan tidak akan menghalang penggunaan mesin itu yang sedang beroperasi sekarang.

"Kita masih mempunyai kilang yang mengeluarkan enjin dua lejang dan proses untuk menghentikan penggunaan motosikal dua lejang akan mengambil masa," katanya.

Rabu lepas, Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, mengingatkan para pemasangan motosikal supaya menghentikan pelaburan pengeluaran motosikal dua lejang kerana motosikal jenis itu mungkin diharamkan tidak lama lagi. -- Bernama.

AMJ OA

▼28/01/21-02MST